




KEMENTERIAN DALAM NEGERI

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor-Kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan SPKK atau PUKONSA atau UPKJ dan Kementerian Kewangan dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut :-

| NO TENDER | TAJUK TENDER | Taraf/ Jenis Syarikat* | Gred, Kategori & Pengkhususan/ Kelas, Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub- Kepala | Tempat Dan Tarikh Dokumen Mula Dijual | Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama | Tempat, Tarikh Dan Waktu Tender Tutup |
|-------------------|---|------------------------|--|--|--|--|
| KDN/PB/T/02 /2024 | MENAIK TARAF DEPOT TAHANAN IMIGRESEN (DTI) PAPAR, SABAH (PAKEJ 2) | Bumiputera T1 | Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) seperti berikut: i) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB); Gred : G5 Kategori : B Pengkhususan: B04 & B28 (WAJIB BAGI SEMUA KONTRAKTOR) Dan ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) Atau Unit Pendaftaran Kontraktor Negeri Sarawak (UPKJ); Kelas B/BX, Kepala II, Sub-kepala 2(a) & 5(a) Atau Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA): Kelas B, Tajuk II, Tajuk Kecil 2 (a) & Tajuk Kecil 8 (b) Dan iii) Sijil Taraf Bumiputera (STB) (WAJIB BAGI SEMUA KONTRAKTOR) * Perkara i & iii adalah WAJIB manakala perkara ii adalah WAJIB salah satu | Jabatan Imigresen Negeri Sabah, Aras 4, Blok B, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Jalan Sulaman, 88450 Kota Kinabalu, Sabah 20 Februari 2024 (Selasa) Hingga 11 Mac 2024 (Isnin) | RM250.00 (Tidak akan Dikembalikan) Akauntan Negara Malaysia Dalam Bentuk Draf Bank atau Kiriman Wang Sahaja (Bayaran Dalam Bentuk Tunai atau Wang Pos Tidak Diterima) | Peti Tender, Bahagian Pembangunan, Kementerian Dalam Negeri, Aras 2, Setia Perkasa 1, Kompleks Setia Perkasa, Pusat Pentadbiran Kerajaan, 62546 Putrajaya 12 Mac 2024 (Selasa) Sebelum atau pada Jam 12.00 Tengah Hari |


AHMAD FUAD BIN APANDI
Setiausaha Bahagian Pembangunan

Taklimat projek dan lawatan tapak adalah diwajibkan. Berkumpul di Pejabat Pentadbiran Depot Tahanan Imigresen Papar, Sabah pada 19 Februari 2024 (Isnin) jam 9.30 – 10.30 Pagi (Sebarang kelewatan tidak diterima)

Bagi sesi taklimat tender dan lawatan tapak yang diwajibkan, hanya penama yang tercatat dalam Sijil PPK dan SPKK atau PUKONSA atau UPKJ yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan sesi taklimat berkenaan. Kontraktor/syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK dan SPKK atau PUKONSA atau UPKJ.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi di pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank/kiriman wang di atas nama **Akauntan Negara Malaysia**. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil Kontraktor dikehendaki membawa perakuan/sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Usahawan beserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/ sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputera.

* Jenis Syarikat Tempatan : T1 - Syarikat yang 100% milik tempatan

A1 - Syarikat 100% milik tempatan **ATAU** syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah 100% warganegara.

A2 - Syarikat 100% milik tempatan **ATAU** syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL **ATAU** Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.